

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN BAGI SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU AWAM GRED H11**

JABATAN	: PERHILITAN
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: KEMAHIRAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PELAKSANA
TARAF JAWATAN	: KONTRAK

SYARAT LANTIKAN:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur **tidak kurang dari 18 tahun** pada tarikh tutup iklan jawatan; dan lulus;

Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H11 : RM 1,218.00)

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya **Gred C**) dalam **subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi dari gaji minimum Gred H11 boleh ditetapkan oleh pihak berkuasa melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja yang berkaitan.
4. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan yang berkenaan.

DESKRIPSI TUGAS:

- a) Bertanggungjawab melaksanakan tugas penyelenggaraan rintis hutan, sungai dan kemudahan rekreasi di Taman Negara dan penjagaan hidupan liar di Pusat Konservasi Hidupan Liar dibawah seliaan Jabatan.
- b) Menjalankan tugas-tugas am bersifat hands-on yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan luar bangunan pejabat dan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja.
- c) Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 28 Februari 2017

Individu yang berminat boleh mengemukakan **resume** ke alamat seperti berikut:

**Ketua Pengarah
Jabatan Perlindungan Hidupan Liar
dan Taman Negara (PERHILITAN)
KM10 Jalan Cheras
56100 KUALA LUMPUR
(u.p: Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan)**

Urusan Temuduga:

- i. Calon-calon yang melepasi syarat skim dan saringan sahaja akan dipanggil untuk sesi temu duga;
- ii. Semasa menghadiri temu duga, calon diminta membawa bersama maklumat biodata diri, sijil asal dan salinan sijil yang disahkan serta lain-lain dokumen yang berkaitan; dan
- iii. Keputusan temuduga adalah muktamad.